

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 5 RABU 2 FEBRUARI 1972 1391 رايو 16 ذوالحججه PERCHUMA



Duli Yang Maha Mulia melafadzkan titah sa-belum merasmikan pembukaan Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah.

D.Y.M.M. RASMIKAN MAKTAB PERGURUAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH

GADONG. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah merasmikan pembukaan Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah dalam satu upacara yang telah berlangsung di-dewan maktab yang baru itu di-Jalan Gadong pada hari Sabtu 29hb. Januari lepas.

Sa-belum merasmikan maktab itu baginda telah melafadzkan titah.

Sa-telah selesai upacara tersebut, Duli Yang Maha Mulia beserta dengan jemputan2 khas telah di-bawa menyaksikan pameran yang di-tunjokkan oleh pensharah2 dan penuntut2 maktab itu.

Di-antara pembesar2 negara yang hadir di-upacara itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Ag. Peter Gautrey, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pg. Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan pegawai2 kanan kerajaan.

Titah Duli Yang Maha Mulia sa-penoh-nya ada-lah seperti berikut:

RAAYAT DI-SERU BERBANGGA DENGAN IDEAL2 NEGARA

GADONG. — Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah di-Gadong akan merupakan salah sa-buah maktab yang terkenal di-seluruh rantau Asia yang mempunyai taraf yang sama dengan Maktab2 Perguruan yang terkemuka di-negeri2 yang sudah maju.

Harapan itu di-nyatakan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abd. Rahim dalam majlis penyampaian sijil2 kepada 215 orang guru yang telah tamat latehan perguruan dari maktab itu pada petang hari Sabtu lepas.

Menteri Besar itu mengharapkan kegiatan besar dalam mempertingkatkan mutu lepasan2 maktab itu maka pegawai2 yang bertanggung jawab di-Jabatan Pelajaran dan di-maktab itu sendiri tidak akan meninggalkan kehendak2 suasana tempat di-mana maktab itu berpijak.

Yang Amat Mulia itu bersabda, kita memerlukan guru2 untuk mengajar anak2 negeri kita sendiri untuk kebaikan raayat kita. Negeri kita ia-lah sa-buah Darussalam yang baru membangun, mempunyai sistem pemerintahan yang bersultan dan mempunyai adat resam chara hidup yang harus di-pertahankan supaya tidak di-umbang ambingkan oleh zaman.

Sabda Yang Amat Mulia itu lagi, "kita berazam untuk mempertahankan kema'amoran,

(Lihat Muka 8)



Y.A.B. Menteri Besar bersabda sa-belum menyampaian sijil2 kepada 215 orang guru.

M. B. akan rasmikan Sekolah Melayu Gadong

GADONG. — Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pg. Hj. Abd. Rahim akan merasmikan bangunan baru Sekolah Melayu Gadong di-Brunei Dua pada hari Khamis 3 Februari mulai jam 9.00 pagi.

Komplek bangunan baru itu di-bena dalam tahun 1968 di-

satu kawasan sa-luas 5 ekar bagi menggantikan sekolah lama yang di-bena dalam tahun 1940 yang tidak jauh dari sekolah baru itu.

Sekolah baru itu mempunyai 2 blok bangunan yang mengandungi 20 bilek2 darjah yang boleh menampung sa-ramai 600 orang murid.

(Lihat muka 8)

TERLEBEH dahulu beta menguchapkan Alhamdu-lillah dengan izin-nya Allah Subhanahu-Wataala yang mana beta dapat menunaikan untuk merasmikan maktab perguruan atas nama beta ia-itu Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah dan di-majlis ini beta dapat berpandang wajah dengan laila hadirin sekalian.

Maktab yang akan beta rasmikan ia-lah maktab pendidikan dan bagi guru2 yang terlatih dan berpengalaman menchurahkan pada mengajar mereka yang menuntut di-maktab ini. Demikian juga maktab ini ia-lah maktab untuk mereka2 menuntut, oleh yang demikian beta sukachita beruchap di-sini semata2 mengenai maktab untuk mengajar dan maktab untuk belajar. Sememang-nya hasrat beta dan telah pun menjadi dasar kerajaan beta pada menumpu-

(Lihat muka 8)

SIRI KEDUA CHERAMAH SEJARAH: BRUNEI SUDAH TERKENAL SEJAK KURUN MASEHI YANG KE-6 DAN KE-7

BRUNEI ada-lah sa-buah negeri yang tua yang di-perentahkan dengan sa-chara bersultan sejak zaman berzaman. Brunei sudah terkenal dan di-ketahui oleh orang2 luar sejak kurun masehi yang ke-6 dan ke-7 sa-bagaimana yang tersebut dalam Riwayat China. Riwayat i t u menyebutkan b a h a w a dalam tahun masehi 518, 523, 616 telah ada sa-buah negeri bernama Puni. Nama Puni ini di-sebut juga oleh Cheng Ho dalam Tahun Masehi 1405. Dalam Bahasa China nama Puni ini juga disebut sa-bagai Bon Lai. Puni atau Bon Lai atau Brunei itu ada-lah bersamasamaan dan ia-nya telah ujud sejak Tahun Masehi yang ke-6 dan ke-7. Mungkin terlebih dahulu dari itu ia-nya telah ujud, hanya sekadar riwayat-nya yang sah kita tidak dapat mengetahui.

SULTAN PERTAMA

Sultan yang pertama sejak itu ia-lah Sultan Mohammad atau pun Awang Alak Betatar. Sultan ini sahaja-lah yang di-ketahui oleh orang2 Brunei. Raja yang memerintah sa-belum itu tidak-lah di-ketahui dan ada-kah Islam atau bukan Islam.

Awang Alak Betatar ini di-katakan telah berkahwin dengan Puteri Johor dan yang di-maksudkan dengan Johor itu mungkin Singapura Tua. Kerana telah tersebut dalam tersilah Raja Johor bahawa Seri Teri Buana anak kapada Sang Nila Utama telah berkahwin dengan Raja Brunei. Kerana perkahwinan itu, maka Raja Johor telah memberikan berbagai2 hadiah kepada anak menentu-nya di-samping menganugerahkan nama sa-bagai Sultan Mohammad. Siapakah Puteri Johor yang di-kawini oleh Sultan Brunei itu

belum-lah dapat di-pastikan dan hal ini maseh bergantung atas penyelidekan sejarah.

BILAKAH ISLAM MULA BERTAPAK DI-BRUNEI

Menurut Sejarah Alam Melayu yang di-karang oleh Abdul Hadi bin Haji Hassan bahawa kurun masehi yang ke-16 sa-sudah tahun 1500 Islam sudah bertapak di-Brunei.

Tetapi menurut pendapat saya bahawa Brunei Islam mungkin lebeh awal dari itu, kerana ada saya dapati satu batu bersurat atau nisan di-kawasan Kota Batu yang tertulis nama Dahari Ali dan nisan Dahari Ali ini juga di-sebut orang sa-bagai batu nisan makam Sultan Sharif Ali ia itu Sultan Brunei yang ke-3. Huruf2 yang ada di-batu nisan itu ada-lah jelas menunjukkan nama Dahari Ali itu. Di-Makam Diraja pula terdapat nisan S u l t a n Omar Ali Saifuddin yang pertama yang mana tertulis perkataan2: "Addahariah, Allahiah, Alfakih". Mungkin perkataan "addahariah" itu ada hubungan-nya dengan Dahari Ali — Sultan Sharif Ali itu. Di-sini-lah menunjukkan bahawa Brunei ada-lah lebeh awal Islam daripada yang di-jangkakan oleh Abdul Hadi bin Haji H a s s a n dalam buku-nya Sejarah Alam Melayu itu. Ini di-kuatkan lagi oleh tarikh wafat-nya Dahari Ali itu ia-itu pada tahun hijrah 836 bersamaan dengan tahun masehi 1432. Di-sini juga menunjukkan bahawa orang2 Brunei sudah Islam sejak sa-belum tahun masehi 1430an. Pendapat ini di-kuatkan lagi bilamana di-dasarkan kepada putera Sultan Sharif Ali yang bernama S u l t a n Sulaiman yang menggantikan takhta Kerajaan Sultan Sharif Ali itu. Kalau Baginda sudah mempunyai putera yang menggantikan takhta Kerajaan Baginda itu, tentu-

OLEH:

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar
Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji
Mohd. Jamil Al-Sufri.**



lah Sharif Ali itu sudah awal datang ka-Brunei — boleh jadi dalam tahun 1400 atau 1390 atau pun 1380. Tetapi sa-belum itu ada ulama', terutama sekali dari keturunan Al-Alawiah sentiasa belayar di-kepulauan sa-belah sini sa-hingga ka-Filipina sa-hinggakan pulau2 di-Filipina itu di-namakan pulau2 Alawiah. Anak2 Al-Alawiah ini banyak mengembara di-sana dan yang menjadi Sultan di-antara yang termashhor ia-lah Makhdum Maulana Abu Ishak. Beliau telah pergi ka-Filipina dalam tahun 1380 dan wafat di-satu tempat yang bernama "Tubig Indangan" — "tubig" ia-lah Bahasa Sulok yang berarti "ayer". "Indangan" bermaksud buayan. Jadi keadaan ayer di-sana macham di-goyang dan di-perchayai sa-bagai suatu berkat Maulana Abu Ishak. Di-Idaan, di-sabelah Lahat Datu terdapat sa-orang yang bernama Karimul Makhdum yang telah mengislamkan orang Idaan yang datang dengan "kerumpang besi". Karimul Makhdum ini mungkin juga Maulana Abu Ishak itu sendiri, kerana masa hidupnya ada-lah sama. Kemudian di-ikuti oleh Syed Abu Bakar, Syed Mohammad dan banyak lagi, tetapi Sharif Ali ada-lah terdahulu dari mereka itu.

LEBEH AWAL

Di-Kuala Berang, Trengganu terdapat satu lagi batu bersurat yang di-agak telah menchatetkan tahun hijrah 702 bersamaan dengan tahun masehi 1300an. Oleh yang demikian, kalau di-sana sudah Islam pada tarikh itu, maka tentu-lah Singapura yang menjadi kuala telah Islam lebeh awal daripada Kuala Trengganu. Jikalau Kuala Trengganu itu Islam dalam tahun 1300an tentu Singapura juga telah Islam lebeh awal dari itu. Dengan hal yang demikian, maka tentu-lah juga Ra-

ja2 yang memerintah Singapura ada-lah lebeh awal Islam.

Ada lagi satu riwayat yang di-riwayatkan oleh W. P. Groeneveldt mengenai satu tempat yang di-katakan oleh orang2 China sa-bagai Puni itu. Di-tempat ini mempunyai raja yang bernama Mamusa — Mahamusa. Boleh jadi Mahamusa ini ialah Mohd. Shah, Sultan Brunei yang pertama. Mahamusa juga di-katakan memerintah Puni dalam tahun 1370. Kalau tahun 1370 itu Mahamusa memerintah, maka mungkin pula Awang Alak Betatar sudah ada dalam tahun itu.

Menurut tersilah Brunei bahawa dulu-nya Brunei di-bawah ta'alok Majapahit yang raja-nya bernama Ayam Wuruk dan menteri-nya bernama Pateh Aria Gajah Mada. Bila Awang Alak Betatar menjadi raja, maka Baginda tidak mahu tunduk di-bawah Majapahit itu lalu mendirikan kerajaannya sendiri. Kalau begitu tentu-lah Brunei di-bawah ta'alok Majapahit itu dalam waktu sa-belum tahun masehi 1360an dan kemudian-nya Majapahit mengalami kejatohannya dalam tahun masehi 1368. Oleh itu, kalau orang2 China itu mendapati Puni yang berajaan Mahamusa dalam tahun masehi 1370 itu, maka raja itu pula mungkin Awang Alak Betatar yang sudah pun memeluk Islam. Kalau Singapura jatuh ka-tangan Majapahit yang di-agakkan dalam tahun masehi 1377, maka mungkin terdahulu dari ini Awang Alak Betatar sudah kahwin ka-Singapura. Maka kesimpulan-nya bahawa Brunei sudah Islam bukan-lah dalam tahun masehi 1500an sa-bagaimana yang di-katakan oleh Abdul Hadi bin Haji Hassan itu. Dari kesan2 sejarah yang mencheritakan dari hal Brunei ini ada-lah menunjukkan bahawa Brunei telah Islam lebeh awal dari yang di-katakan itu.



KHUTBAH JUMA'AT

BERSHUKOR-LAH kita kepada Allah Subhanahu-wataala kerana dengan limpah kurnia-nya telah mengurniakan kepada kita suatu nikmat yang sangat besar, ia-itu nikmat Islam dan iman.

Sa-bagaimana kita sedia telah maklum bahawa Islam itu arti-nya ia-lah menjunjung kepada segala apa juga titah perintah Allah Subhanahu-wataala dan rasul-nya, sementara iman pula arti-nya perchaya akan perkhayaban2 yang datangkan oleh rasul2 kepada kita. Kedua2-nya ini mesti-lah berganding bersama2, tidak boleh di-pisah2kan, walau didalam segala apa juga jalan sekali pun, kerana kalau Islam di-ibaratkan sa-bagai suatu jasad, maka iman itu pula ada-lah sa-bagai roh-nya.

Para ulama mengatakan bahawa iman itu bukan-lah semata2 pengakuan perkataan sahaja dan bukan juga hanya perbuatan sahaja, malahan hendak-lah berserta kedua2-nya sekali, dan yang di-katakan perbuatan itu pula bukan-lah hanya yang nampak pada lahir-nya semata2, bahkan juga termasuk perbuatan2 yang di-lakukan oleh hati.

Oleh itu, segala apa juga perbuatan yang kita lakukan mesti-lah perbuatan itu akan memberi kesan kepada iman kita ia-itu "perbuatan yang baik a k a n menambahkan iman" sementara perbuatan yang jahat, akan mengurangkan iman itu.

Di-dalam sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Bokhari dan Muslim daripada Abi Hurairah r.a., Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

"Bahawa iman itu lebih daripada enam puluh cawangan, yang sa-tinggi2-nya ia-lah kata2 pengakuan bahawa tiada Tuhan yang di-semah dengan sa-benar2-nya melainkan Allah, dan sa-rendah2-nya pula ia-lah perbuatan seperti membuang sa-suatu benda yang menghalang (menyusahkan) lalu lalang di-tengah2 jalan".

Allah Subhanahu-wataala menjelaskan di-dalam kitab suci Al-Quran dengan firman yang bermaksud:

"Barang siapa yang membuat amal-an yang baik sama ada orang lelaki atau perempuan pada hal ia-nya orang yang beriman, maka kami (Allah) akan menghidupkan dengan taraf kehidupan yang baik, dan kami akan kurniakan dia sa-baik2 balasan sesuai dengan jasa usaha yang telah mereka lakukan".

IMAN TIDAK AKAN TEGAK BERDIRI DI-DALAM BATHIN ORANG2 YANG DURJANA

Dari maksud hadith Rasulullah s.a.w. dan ayat2 suci Al-Quran yang tersebut diatas, maka jelas-lah kepada kita bahawa sa-bagaimana yang di-katakan "Islam dan Iman itu arti-nya belum boleh hendak di-katakan sa-seorang itu sa-bagai sa-orang yang beriman kalau kehendak2 daripada rukun2 Islam yang lima itu tidak di-jalankan-nya, je-

las-nya boleh-lah kita buat kesimpulan bahawa iman itu tidak akan tegak berdiri di-dalam bathin orang2 yang mungkar (durjana).

Oleh itu ini-lah di-serukan kepada kaum muslimin agar sentiasa menjaga dan membersehhkan hati kita dan sentiasa mengerjakan amal bakti kita bagi menguatkan iman dan keta'atan kita kepada Allah dan semuga kita beroleh rahmat. Amin ya rabul alamin.

Penuntut2 adakan Malam Ugama

LAMBAK. — Penuntut2 ugama di-Sekolah Melayu Datu Mahawangsa Lambak telah mengadakan majlis malam ugama di-dewan sekolah itu pada malam Ahad lepas.

Antara achara2 yang telah di-persembahkan pada malam itu termasuk-lah peraduan membaca Quran yang terbuka kepada peserta lelaki dan perempuan dewasa di-kampung itu, persembahan marhaban, membaca sajak dan lain2 achara berhorak ugama.

Peraduan berzanji bagi pelajar2 dewasa perempuan juga telah di-adakan.

Sa-orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwai Ugama telah menyampaikan sharahan khas di-majlis itu.

Balai Pulis Sungai Liang mula berkhidmat

SUNGAI LIANG. — Balai pulis yang baru di-Sungai Liang telah mula menjalankan perkhidmatan-nya mulai 1 Februari lepas.

Pegawai Pemerintah Pulis Daerah Belait, Awang V.E. Pike, menyeru penduduk2 di-kawasan itu supaya menggunakan balai untuk membuat aduan.

Kerja membina balai itu telah di-mulakan lebih sa-tahun yang lalu dengan perbelanjaan hampir2 dua ratus ribu ringgit.

Kerja itu termasuk pembeinaan berek2 sepuluh pintu bagi anggota2 pulis yang akan bertugas di-balai itu, memasang pagar dan menanam rumput.



GAMBAR di-atas menunjukkan Pengetua Sekolah Menengah Ugama Hassanah Bolkiah dan Sekolah Menengah Ugama Raja Isteri Anak Damit sedang menyematkan lenchana kepada salah sa-orang ketua penuntut sekolah tersebut.

Penyampaian lenchana itu diadakan dalam majlis meraikan guru2 Singapura yang telah di-adakan di-dewan Sekolah Menengah Ugama Perempuan Raja Isteri Anak Damit baru2 ini. — Gambar JHEU/BP.

PELUANG MEMASOKI KELAS2

TRENGKAS, MENAIP MASEH TERBUKA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pendaftaran bagi memasoki kelas2 trengkas aliran Melayu di-Sekolah Melayu Pusat Ulak di-Bandar Seri Begawan maseh lagi terbuka.

Borang2 pendaftaran sekaran boleh di-dapati dari Penyalia Kelas2 Dewasa di-sekolah itu, Che'gu Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim atau guru2 kelas trengkas dan menaip di-sekolah itu.

Sementara itu, pendaftaran bagi memasoki kelas menaip di-Sekolah Melayu SUAS Muara telah di-mulakan pada 1 Februari dan kelas trengkas pada 2 Februari.

Penuntut2 tahun lepas yang ingin hendak meneruskan pelajaran mereka dalam mata2 pelajaran tersebut boleh juga hadir di-kelas itu.

Kelas2 itu ada-lah di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 2 Februari, 1972 hingga ka-hari Selasa 8 Februari, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
2 Feb.	12-40	4.00	6-37	7-48	5-07	5-21 6-36
3 Feb.	12-40	4.00	6-37	7-48	5-07	5-21 6-36
4 Feb.	12-40	4.00	6-37	7-48	5-07	5-21 6-36
5 Feb.	12-40	4.00	6-37	7-48	5-07	5-21 6-36
6 Feb.	12-40	4.00	6-37	7-48	5-07	5-21 6-36
7 Feb.	12-40	4.00	6-37	7-48	5-07	5-21 6-36
8 Feb.	12-40	4.00	6-37	7-48	5-07	5-21 6-36

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

2hb. Februari, 1972.

LEBEH BAHAYA DARI ANASIR2 PERKAUMAN

DALAM majlis penyampaian sijil2 kepada guru2 yang lulus dari Maktab Perguruan Brunei yang sekarang di-kenal dengan nama Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah bersabda bahawa orang2 Melayu di-negeri ini sering membezakan diri antara satu puak dengan puak yang lain seperti puak Tutong, puak Belait, puak Kedayan, puak Dusun dan sabagai-nya.

Pembezaan diri ini, ada-lah lebeh berbahaya dari anasir2 perkauman dan ia-nya harus di-singkir seberapa awal yang boleh.

Kedudukan taraf yang diakui sa-bagai Melayu menurut Undang2 Taraf Kerajaan Negeri Brunei ada-lah jelas menyebutkan bahawa puak2 Dusun, Kedayan, Tutong, Murut, Bisaya, Brunei, Belait ada-lah diakui sa-bagai Melayu.

Yang Amat Mulia itu saterus-nya berpendapat bahawa ada-lah tidak elok dan tidak bijak kalau maseh lagi menyebut si-anu itu orang Tutong, si-anu itu orang Dusun dan sabagai-nya, kerana kita ada-lah didalam pengertian yang satu ia-itu Melayu.

Sa-bagai rakyat mereka hendak-lah tidak lagi berpegang kepada izam perpuakan tetapi berfahaman dan berpendirian keBruneian yang tetap mengelar diri mereka sa-bagai rakyat Duli Yang Maha Mulia dan memberikan ketaatan dan kesetiaan kepada Baginda dan negara serta saterus-nya berbangga dengan ideal2 negara.

Dengan ada-nya perpaduan seperti ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar yakin bahawa Brunei akan terus mencapai kejayaan demi kejayaan dalam abad yang penuh dengan chabaran dunia moden ini.

Kedudukan ini menunjukkan bahawa salah satu rukun untuk terus meningkat maju itu ia-lah berdasarkan kepada keungoluan ujud-nya perpaduan itu.

Uchap menguchap akan keturunan masing2 itu ada-lah merupakan satu gejala yang kurang sehat dan sa-bagai sifat manusia, apa lagi yang mudah tersinggong, akan menjadikan perbuatan itu sa-bagai suatu yang boleh menimbulkan pertelingkahan. Jika pertelingkahan itu membesar, maka ia-nya akan menjadi satu penyakit yang membiak dan merasap karongga2 badan dan saterus-nya mempengaruhi akan kedudukan jiwa sa-seorang.

Pembangunan negara dan bangsa ada-lah tanggung-jawab bersama dan masing2 mempunyai hak itu untuk di-pikul dengan penuh rasa sadar. Keakuan diri dan bangkit membangkit terhadap puak2 itu terutama yang berbau untuk merendah2kan antara satu puak dengan puak yang lain ada-lah satu perbuatan yang sudah lapok dan tidak harus di-amalkan dalam suasana pembangunan dan masa depan.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kelihatan sedang menerima chenderamata sempena pembukaan Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah di-Gadong yang berlangsung pada hari Sabtu, 29 Januari, 1972 yang baru lalu.



Dengan di-iringkan oleh Pengarah Pelajaran, Baginda juga telah berangkat menyaksikan ka-bahagian pameran2 lukisan dan pekerjaan tangan. Gambar atas menunjukkan guru yang bertugas sedang menerangkan bagaimana usaha2 pekerjaan tangan yang di-jalankan oleh penuntut2 maktab itu.



Di-Makmal Sains juga Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei Awang Peter Gautrey telah menguji kebolehan penuntut2 itu.

GAMBAR DI-SEKITAR UPACHARA PEMBUKAAN RASMI M.P.S.H.B.



Sa-telah merasmikan pembukaan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan di-iringi oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes dan pegawai2 di-Maktab Perguruan itu telah berangkat untuk menyaksikan pameran2 pelajaran. Gambar atas menunjukkan Baginda sedang di-beri penerangan oleh Dayang Kamariah binte Haji Abdul Jalil, guru urusan rumah tangga ketika berchemar duli ka-bahagian itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika bertitah di-upachara pembukaan rasmi Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah.



Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan juga telah melawat ka-bahagian Makmal Sains. Gambar atas kelihatan Baginda dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sedang menyaksikan sa-orang penuntut yang sedang memperlihatkan kerja2 di-makmal itu.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan ketika berangkat ka-pameran makmal sains telah meninjau kebolehan penuntut2 di-maktab itu dalam pelajaran sains yang di-ajarkan kepada mereka.



Sa-bagai penyerikan lagi pembukaan maktab itu, penuntut2 puteri telah mempersembahkan sa-buah tarian Jepun ketika jamuan Diraja sedang berjalan.

Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes sedang memberi penerangan kepada Baginda mengenai yang terdapat dalam maktab itu. Di-kanan sekali ia-lah Pengetua Maktab itu, Awang P.D. Parshad.



Sa-bahagian dari jemputan2 khas yang hadir di-upachara merasmikan pembukaan Maktab Perguruan Sultan Hassanul Bolkiah itu. Di-antara-nya kelihatan bekas siswa2 Brunei di-luar negeri yang telah pulang ka-tanah ayer dan sedang bertugas di-berbagai2 jabatan kerajaan.

Rekrut2 Polis di-kehendaki

PULIS Diraja sedang mengkehendaki rekrut2 untuk menjalani latihan dalam penghujung bulan Mach hadapan.

Pemohon2 mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Sultan dan maseh bujang. Berumur di-antara 18 hingga 28 tahun. Tinggi sekurang2-nya 5 kaki 2 inchi dan lulus sekurang2 Darjah Enam Sekolah Melayu atau Ingeris.

Pemohon2 yang berbadan tegap dan mempunyai kelulusan pelajaran yang tinggi adalah sangat2 di-kehendaki.

Sa-telah tamat menjalani latihan asas dan memperoleh pangalaman, rekrut2 itu akan ditempatkan di-beberapa chawangan pasokan polis.

Keterangan2 lanjut mengenai gaji dan sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati dari semua balai polis.

Pemohon2 hendak-lah hadir untuk di-temu duga pada tarikh2 dan tempat2 seperti berikut:

Di-Balai Polis Bandar Seri Begawan pada hari Isnin 7hb. Februari, mulai jam 8.00 pagi.

Di-Balai Polis Bangar pada hari Selesa 8hb. Februari, mulai jam 9.00 pagi.

Di-Balai Polis Tutong pada hari Rabu 9hb. Februari, mulai jam 8.00 pagi.

Di-Balai Polis Seri pada hari Khamis, 10hb. Februari, mulai jam 8.00 pagi dan di-Balai Polis Kuala Belait pada hari Sabtu, 12hb. Februari, mulai jam 8.00 pagi.

Pemohon2 hendak-lah membawa bersama2 mereka kad pengenalan, surat beranak dan sijil2 persekolahan dan lain2 surat2 akuan pelajaran.

Gambar bawah menunjukkan satu rombongan Polis Diraja sedang mendengar penerangan dari Merinyu Perikanan, Awang Abdulah bin Haji Halus apabila anggota2 polis itu melawat kolam ikan di-Sungai Jambu pada minggu lepas.



GAMBAR di-atas menunjukkan lima orang penuntut kelas dewasa yang telah lulus kursus Perguruan Urusan Rumah Tangga dari Trengkas Melayu Institute Malaysia baru2 ini.

Dari kiri: Dayang Zaharah binte Mohammad, Dayang Mahani binte Ya'akub, Dayang Mariam binte Haji Hassan, Dayang Usnah binte Metassim dan Dayang Nooralam binte Metamit.

Kelima2 orang penuntut itu telah di-hantar ka-Singapura oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Mereka itu akan ditempatkan mengajar sa-chara sambilan di-kelas2 urusan rumah tangga.

Awg. Kamaluddin menangi lumba jalan kaki

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Kamaluddin bin Hitam telah berjaya menjadi johan dalam perlumbaan jalan kaki yang dianjurkan oleh Kelab Lion Brunei.

Awang Kamaluddin menghabiskan perlumbaan sa-jauh 10 batu dengan mengambil masa sa-lama 2 jam 17 sa'at.

Tempat kedua di-menangi oleh Tungku Abdul Murad dan pemenang ketiga ia-lah Jaluan A. Damit.

Dalam bahagian wanita, Dayang Salbiana Momin mendapat tempat pertama, kedua, Puan E.E. Momin dan pemenang ketiga ia-lah Dayang Amina binte Laman.

Bahagian Veteran: Pertama Pg. Othman bin Pengiran Ismail, kedua, Jumahat bin Sahat dan ketiga Apong bin Laman.

Bahagian Kanak2: Pertama Agus bin Abdul Rahim, kedua Awangku Jaib bin Pengiran Tuah dan ketiga Rosli bin Ahmad.

Hati Harimau telah mendapat pertama dalam bahagian berpasokan. Kedua ia-lah 'B' Kempeni Pasokan Polis Diraja Brunei dan ketiga 'A' Kempeni Pasokan Simpanan Polis Diraja Brunei.

Awang David Khang, Naib Yang Di-Pertua Kelab Lion; Brunei telah menyampaikan hadiah2 di-akhir perlumbaan itu.

Perkhidmatan pos sungai berjalan dengan memuaskan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pos Agong, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim berkata, perkhidmatan pos sungai di-Daerah Tutong telah berjalan dengan memuaskan.

Pengiran Bahar berkata demikian apabila di-minta mengulas tentang kemajuan perkhidmatan pos sungai ka-tujuh belas buah kampung di-Tutong.

Bot pos itu yang berpangkalan di-Pekan Tutong, pergi ka-kampung2 itu tiap2 hari Isnin dan Rabu.

Bot2 itu menjalankan per-

khidmatan di-14 buah kampung di-antara Rambai dan Keranching pada tiap2 hari Rabu.

Bot itu berhenti kira2 lima minit di-tiap2 kampung mulai dari Lubok Pulau di-mana ia-nya di-jadualkan tiba pada pukul 8.20 pagi.

Pada hari Rabu, Bot2 itu berlepas dari Rambai pada pukul 10.00 pagi ka-Keranching, singgah di-Kuala Uunggar dan Benutan.

Ketua Pos Agong itu berkata, urusan2 yang di-jalankan oleh perkhidmatan pos sungai itu pada masa ini terhad kepada penjualan setem dan menerima surat2 biasa.

Sementara itu, Pengiran Bahar menyatakan bahawa perkhidmatan kiriman wang biasa atau Money Order antara Brunei dan negeri2 sabah dan Sarawak juga telah berjalan dengan memuaskan.

Beliau berkata, senarai pejabat2 pos ia-itu enam belas di-Sabah, dan 42 di-Sarawak, dimana perhubungan pengiriman itu di-adakan sedang ditunjukkan di-pejabat2 pos di-negeri ini.

Pejabat2 pos di-Sabah ia-lah di-Kota Kinabalu; Sandakan; Tawau; Labuan; Lahad Datu; Semporna; Kudat; Beaufort; Keningau; Tenom; Kota Belud; Ranau; Tanjong Aru dan pejabat pos di-lapangan terbang Kota Kinabalu, Papar, dan Tuaran.

Sementara di-Sarawak, enam pejabat pos di-bahagian pertama; 12 di-bahagian kedua; 13 di-bahagian ketiga; 7 di-bahagian keempat dan 4 di-bahagian kelima.

Seluruh projek jeraya di-Temburong selesai


PEKAN BANGAR. Kerja2 pembinaan rangkaian jalan raya, sepanjang 37 batu di-Daerah Temburong, telah pun siap dan akan di-serahkan kepada Jabatan Kerja Raya dalam tahun ini.

Ini telah di-nyatakan oleh Awang V. Lawley, wakil perunding syarikat Scott, Wilson, Kirkpatrick dan Rakan, yang mereka dan mengawasi kerja2 pembinaan-nya, bagi pihak kerajaan.

Sementara syarikat Gammon Asia Tenggara Berhad, sa-bagai pihak pemborong.

Awang Lawley berkata, seluruh rangkaian jalan2 raya itu sekarang boleh di-gunakan oleh kenderaan.

Kerja2 pembinaan projek itu bermula dalam bulan September tahun 1968 dengan menelan belanja kira2 \$20 juta.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan kosong di-Jabatan Pertanian, Brunei.

PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN — (2 kekosongan)

Kelayakan2:

- Chalun2 hendaklah sebaik2-nya berumur sekurang2-nya 30 tahun dan mempunyai Diploma Pertanian atau yang sebanding dengan-nya daripada sa-buah Maktab yang di-iktiraf.
- Pegawai2 tempatan yang sedang berkhidmat di-dalam Jabatan Pertanian dan mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman praktikal dalam bidang pertanian akan juga dipertimbangkan.

- Mesti-lah boleh menulis dan bertutor dalam Bahasa Melayu.
- Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam pertanian iklim panas.

Tugas2:

Termasuk-lah menjadi pegawai yang menjaga sa-buah Pusat Pertanian atau di-tugaskan dengan sa-orang Pegawai Pakar Kanan atau di-kehendaki membuat tugas2 yang berkaitan dengan kerja2 tambahan atau penyelidekan. Chalun2 yang berjaya mesti-lah bersedia bekerja dan pergi ka-mana2 daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB 4 — \$1000x30-1120/EB/1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-bagai Pegawai Penchen2

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 lelaki yang terdiri raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Pegawai Penchen2 di-Pejabat Penchen Negara, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalun2 mesti-lah lulus L.C.E. Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Pegawai2 dalam perkhidmatan Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang2-nya selama lima tahun dan telah lulus Form II Inggeris dan Darjah IV Melayu akan juga dipertimbangkan.

Chalun yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat dalam negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 20hb. Februari, 1972.

Sharat2 Lantekan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap selepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat daripada 24hb. Februari, 1972.

KENYATAAN

Bahawa Permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh 1. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, Brunei, dan 2. Datin Marianne Elizabeth Lloyd Dolbey, Setia usaha Laila Rahsia dibawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan, Brunei, kerana meminta Surat Kuasa Menadbir kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Al-Marhum DYMM Sultan Sir Ahmad Tajuddin, Brunei.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan

Sa-bagai Kerani Tingkatan 'B'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Chalun2 yang di-lantek mesti-lah sudah menchapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sa-banding.

Gaji:


Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-335/ EXAM BAR / 350x15-380x20-510 / EB / 540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salin surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat dari 3hb. Februari, 1972.

di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, Brunei pada hari Selasa, bersama'an dengan 8hb. Februari, 1972 jam 10.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka Al-Marhum itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan pembicharaan itu pada waktu dan tempat yang di-sebutkan di-atas. Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat amaran (caveat) kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei, sa-belum tarikh yang di-sebutkan.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





PERBICHAARAAN Mahkamah Tinggi yang pertama bagi tahun 1972 telah di-mulakan pada hari Jumaat 28hb. Januari di-Mahkamah Bandar Seri Begawan. Perbicaraan itu telah di-pengerusikan oleh Tuan Hakim, Awg.

Wilfred Francis Pickering.

Sa-jurus sa-belum perbicaraan itu di-mulakan, Tuan Hakim Francis Pickering telah memeriksa satu barisan kehormatan yang terdiri dari pasukan Polis Diraja Brunei. (gambar atas).

Raayat di-seru berbangga dengan ideal2 negara

(Dari muka 1)

kesejahteraan dan kebahagiaan hidup kita hingga ka-wari-san2 kita yang akan datang".

Para cherdek pandai di-Maktab itu juga di-seru supaya berusaha menanamkan benih2 keBruneian yang tulen di-sanubari guru2 muda yang nanti-nya akan dapat menaborkan pula benih2 yang baik di-kalangan anak2 di-sekolah2 di-merata bandar dan pelusok kampung.

Menteri Besar itu menyeru kepada seluroh raayat Brunei walau apa keturunan-nya sekali pun supaya mereka hendaklah berfikir dan hidup dengan chara keBruneian sabernya.

"Kita mahu raayat Brunei di-mana saja mereka berada, sama ada keturunan China, orang2 Melayu dan apa bangsa sekalipun, hendaklah tetap mengelarkan diri mereka sa-bagai raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta memberikan ketatatan dan kesetiaan kepada Baginda dan saterus-nya berbangga dengan ideal2 negara."

Menteri Besar itu menekankan, orang2 Melayu di-negeri ini sering membezakan diri antara satu puak dengan puak yang lain dan perasaan2 perkauman yang merbahaya itu haruslah di-singkir seberapa awal yang boleh.

Yang Amat Mulia itu bersabda lagi bahawa dalam undang2 Taraf Keraayatan Negeri Brunei jelas menyebutkan puak2 Dusun, Kedayan, Tutong, Murut, Bisaya, Brunei, Belait ada-lah di-akui sa-bagai Melayu.

Akhir-nya Menteri Besar itu mengucapkan tahniah kepada semua guru2 yang telah

berjaya menerima sijil2 mereka dan mengharapkan sijil yang di-perolehi itu merupakan satu pengakuan dari masyarakat untuk berusaha berganding bahu dengan ahli2 kejuruan di-bidang2 lain bagi membantu masyarakat.

PEMBUKAAN RASMI S. M. GADONG

(Dari muka 1)

Ia-nya di-lengkapi dengan sa-buah dewan yang boleh menampung sa-ramai 500 orang, lapan buah bilek2 lain termasuk bilek2 pentadbiran, bilek tamu, bilek guru2 dan bilek Guru Besar.

Sekolah itu mula di-gunakan dalam bulan Jun, 1971 dan sekarang mempunyai murid berjumlah 341 orang termasuk 165 orang perempuan.

Sekolah itu juga di-jadikan pusat bagi Persediaan Inggeris yang murid2-nya datang dari

TITAH D.Y.M.M. BAGINDA SULTAN

(Dari muka 1)

kan usaha untuk memperbaiki keadaan pelajaran di-negeri kita Brunei Darussalam ini.

Istilah pelajaran itu ada-lah meliputi laila berjenis2 ilmu pengetahuan dan laila pengalaman bukan saja pada mendapatkan kemahiran dan kecekapan, bahkan dengan hasrat melailakan rohani dan jasmani. Ugama kita sendiri yakni Ugama Islam yang suchi menyuruh atau menggalakkan supaya tiap2 orang itu hendaklah menitik-beratkan, menuntut berbagai2 laila mata pelajaran dan ilmu pengetahuan. Ugama menyuruh kita semua belajar dengan tidak memilih tua atau muda. Oleh kerana ada-lah tidak munasabah bagi sa-seorang itu segan hendak belajar dengan alasan yang ia-nya sudah tua.

Sa-bagai papatah orang tua2 "Akal itu asal-nya sa-jengkal dan ada-lah kewajipan kita supaya memanjangkan akal itu sa-hingga berbata2 panjang-nya." Oleh yang demikian menuntut berjenis2 ilmu pengetahuan sejak d a l a m buayan hingga ka-liang lahat.

Pelajaran yang sempurna itu ada-lah mengukuhkan ketabahan pada melaksanakan atau menuju ka-araf yang berkebaikan dan memolekan hasrat hati serta budi pekerti. Pelajaran yang sempurna itu menjauhkan kita dari perbuatan2 yang menjadi larangan dan membolehkan kita mengerjakan pekerjaan yang mendatangkan pahala dan kebahagiaan. Pelajaran yang sempurna itu juga mengukuhkan semangat dan iman dan membolehkan sa-seorang itu mengenal apa yang baik dan yang jahat, membolehkan sa-seorang itu mengenangkan jasa yang baik dan mengingatkan budi yang baik dan memberi sanjongan kepada keikhlasan laila jujur. Pelajaran yang sempurna itu juga menunjakkan jalan yang berji-mat-chermat sa-bagai papatah "Jimat-chermat titian kaya buros ikhlas kejujuran titian bahagia, dan ayat membazir ada-lah kerja sia2".

Ugama kita juga menyuruh supaya orang baik di-balas baik kerana ada-lah bersalahan kalau orang baik di-balas jahat dan segala pertolongan yang di-berikan dengan jujur itu tidak dapat di-nilai harganya. Allah Subhanahu-wataala juga menyuruh hamba-nya berurusan dan berani kerana benar. A l l a h Subhanahu-Wataala menegah perbuatan yang salah, lebeh2 lagi perbuatan yang kejam dan merbahaya. Apa yang ditegah juga ia-lah perasaan yang dengkilkan kebajikan, tetapi, apa yang di-suruh ia-lah supaya tiap2 orang itu membuat kebajikan. Tiap2 sa-seorang itu hendaklah membuat usaha untuk kebajikan dan kebahagiaan dan tidaklah menyalahi bagi sa-seorang itu berusaha dengan jujur untuk mencapai kemewahan. Akan tetapi ada-lah menyalahi bagi sa-siapa juga dengkilkan kekayaan orang tetapi dia-nya sendiri tidak mahu berusaha, yang mewah dan kaya pula di-tegah menghina orang yang miskin oleh kerana ada-lah menjadi kewajipan kepada orang yang mewah dan kaya memberi zakat fitrah kepada fakir dan miskin.

Oleh yang demikian ada-lah nyata dari segala yang di-ajarkan oleh Ugama Islam kita bahawa Allah Subhanahu-Wataala menghendaki hamba-nya supaya bertulus ikhlas, supaya bekerjasama satu sama lain saling faham-memfahami, hormat-menghormati oleh kerana semua sifat yang baik itu ada-lah menjadi punca keamanan dan kebahagiaan masyarakat. Kesemua sifat2 yang mulia ini akan dapat di-perolehi dan di-amalkan dengan lebeh mudah lagi kalau kita mengikut ajaran2 Ugama supaya bersungguh2 belajar atau menuntut laila jenis mata pelajaran dan ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan itu tidak terhad tingginya atau keluasan-nya, akan tetapi dalam menuju ka-araf pelajaran yang tertinggi itu hendaklah kita berusaha sa-tapak demi sa-tapak, sa-bagai papatah orang tua2 "Sa-belum mendakap langit, kalau boleh jalani atau kelilingi dahulu bumi kita ini".

Dengan nama Allah yang maha pengasih lagi menyayang beta dengan rasmi-nya membuka Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah ini.



Bangunan Sekolah Melayu Gadong yang baru yang akan di-rasmikan oleh Y.A.B. Menteri Besar esok.